

17 JUN 2001

Iraq-Misi

IRAQ BERTERIMA KASIH DENGAN MISI KEAMANAN MALAYSIA

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

DALAM PESAWAT MH4803 PENERBANGAN MALAYSIA, 17 Jun (Bernama) -- Iraq memberikan penghormatan kepada misi keamanan dan setiakawan bersejarah Malaysia ke Iraq sebagai sokongan kepada rakyatnya yang lebih sedekad lalu menghadapi sekatan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Presiden Iraq Saddam Hussein memberitahu Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Syed Hamid Albar semasa perjumpaan mereka di Baghdad semalam bahawa usaha kemanusiaan Malaysia akan sentiasa dikenang sebagai tanda ikhlas daripada negara yang bersaudara.

"Saya fikir mereka terkejut dengan keikhlasan yang ditunjukkan ... beliau memulakan dengan menyatakan bahawa beliau mahu saya memaklumkan setiap orang dalam delegasi Malaysia akan penghargaan mereka bagi lawatan itu dan rasa terima kasih mereka kepada kerajaan," kata Syed Hamid kepada pemberita dalam penerbangan pulang ke tanah air selepas lawatan tiga hari itu, awal hari ini.

Mesej itu kemudiannya disampaikan oleh Kapten Mohamed Nawawi Awang, Naib Presiden operasi penerbangan Penerbangan Malaysia (MAS) yang merupakan juruterbang pesawat itu, kepada 260 penumpang menerusi sistem penyampai maklumat awam. Kebanyakan daripada mereka menyambutnya dengan tepukan.

Semasa kunjungan hormat ke atas Presiden Iraq itu, Syed Hamid menyampaikan sepucuk surat ucap selamat daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Saddam.

Timbalan Perdana Menteri Iraq Tariq Aziz, yang merupakan Pemangku Menteri Luar, dan Duta Iraq ke Malaysia Adnan Malik Al-Ghazali turut hadir pada perjumpaan kira-kira 90 minit itu.

"Surat perdana menteri kepada Saddam menyatakan rasa simpati kerajaan dan rakyat dengan penderitaan yang dialami rakyat Iraq dalam menghadapi sekatan itu," kata Syed Hamid.

Ia juga menyatakan hasrat Malaysia untuk melakukan apa-apa yang boleh bagi membantu mereka meringankan penderitaan itu dan berjanji untuk bekerjasama dengan Iraq bagi membolehkan sekatan itu ditarik balik.

Sekatan ekonomi itu dikenakan terhadap Iraq selepas ia mencero bohi negara jirannya Kuwait pada 1990.

Majlis Keselamatan PBB pada masa ini sedang menimbang stau cadangan oleh Britain, dengan disokong oleh Amerika Syarikat, untuk melaksanakan bentuk sekatan ekonomi yang dikaji semula.

Sekatan itu yang dipanggil "sekatan bijak" akan mengurangkan pengharaman terhadap perdagangan awam dengan Iraq tetapi pada masa yang sama mengetatkan pengharaman senjata dan menggariskan senarai barangan yang mungkin mempunyai manfaat ketenteraan bagi kelulusan majlis itu.

Rancangan Amerika Syarikat-British ialah semakan semula program minyak bagi makanan yang beroperasi sejak 1996, membenarkan Iraq menjual minyak dan menempah makanan, perubatan dan barangan lain di bawah pengawasan PBB. Amerika Syarikat dan Britain berharap untuk menyiapkan rundingan itu menjelang 3 Julai.

Syed Hamid berkata lawatan itu tidak pernah dirancang supaya berkebetulan dengan debat yang sedang berlangsung di Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai sekatan bijak.

"Bagi pihak Malaysia, kami sentiasa berpendapat bahawa sekatan itu tidak patut diteruskan kerana ia telah menyebabkan banyak penderitaan, ketidakadilan dan turut menjejaskan generasi akan datang Iraq," katanya.

Ditanya sama ada Saddam telah menyatakan pendapatnya mengenai cadangan

sekatan bijak itu semasa perjumpaan itu, Syed Hamid berkata: "Saya fikir beliau merasakan sekatan bijak itu adalah tidak bijak sebenarnya kerana ia tidak akan diterima.

"Mereka menganggap sekatan (sedia ada) adalah tidak adil dan cadangan sekatan itu akan memburukkan lagi kedudukan mereka," katanya.

Sementara itu, Adnan memberitahu Bernama bahawa misi itu adalah signifikan kerana saiz dan kepelbagaian delegasi yang mewakili pelbagai sektor penduduk Malaysia.

"Daripada cara misi ini yang diberikan sambutan mesra di Baghdad menunjukkan betapa berterima kasihnya rakyat Iraq kepada Malaysia...Malaysia bukan sahaja menyokong mereka secara lisan tetapi menterjemahkan sokongan itu kepada tindakan," kata Adnan yang mengikuti lawatan itu.

Selain daripada pegawai kanan kerajaan, anggota delegasi itu terdiri wakil sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan, pelajar perubatan dan media.

Syed Hamid mengucapkan terima kasih kepada sektor swasta yang menyokong inisiatif kerajaan untuk mengadakan penerbangan kemanusiaan itu. Sebanyak RM1.2 juta disumbangkan oleh sektor swasta bagi misi itu.

Penerbangan pulang selama lapan jam itu telah mengambil laluan berlainan selepas perjalanan ke Baghdad menghadapi "beberapa kesulitan".

Malaysia telah memaklumkan kepada Majlis Keselamatan PBB mengenai misi ke Baghdad itu, dengan itu semua negara di sepanjang laluan itu telah memberikan kebenaran mereka bagi pesawat itu melaluinya.

"Tetapi semasa kami di udara dan sedang menghampiri negara-negara tertentu, ada yang enggan membenarkan kami melalui ruang udara mereka," kata Syed Hamid mengenai perjalanan pada Rabu.

Selepas beberapa rundingan, pesawat itu akhirnya dibenarkan terbang terus ke Baghdad melalui negara lain.

"Saya tidak mahu menamakan negara-negara itu (yang tidak membenarkan pesawat itu melalui ruang udara mereka) tetapi yang paling penting ialah kami dapat menyelesaikan masalah itu dan sampai ke Baghdad," katanya.

-- BERNAMA
AZZ AZZ RHM